

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR : SINAR HARIAN (Sentral)

TARIKH: 29 DISEMBER 2017

M/S : 20

## KKB tumpu kongsi strategi, tingkat operasi

SHAH ALAM - Kelab Ketua-Ketua Balai (KKB) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Selangor merupakan kelab yang pertama ditubuhkan di negara ini membabitkan penglibatan di kalangan ketua balai bomba.

Presidennya, Azmel Kamarudin berkata, melalui kelab itu, seramai 34 ketua balai bersatu di bawah satu bumbung dalam menumpukan perkongsian strategi bagi meningkatkan operasi dan keselamatan.

"Selangor merupakan antara negeri yang tertinggi menerima panggilan kecemasan setiap hari membabitkan pelbagai kes.

"Setiap balai dilaporkan menerima dua panggilan kecemasan sehari dan terdapat sebahagiannya mencecah hampir 1,000 panggilan setahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada majlis makan malam dan pelancaran KKB Balai JBPM Selangor, di Hotel Bluewave, di sini, malam kelmarin.

Majlis pelancaran disempurnakan Ketua Pengarah Bomba Selangor, Azmi Osman.

Azmel yang juga Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Shah Alam



Azmi (tiga, kanan) bersama Azmel (kiri) ketika majlis simbolik pelancaran KKB yang diadakan kelmarin.

berkata, melalui penubuhan kelab berkenaan juga, ketua balai dapat bekerjasama dengan berkongsi idea, strategi atau apa sahaja melalui perbincangan dalam aplikasi WhatsApp.

"Terdapat di kalangan ketua balai yang masih baru berusia 28 tahun dan juga senior berusia 53 tahun. Ia sudah pasti memerlukan tunjuk ajar dan perkongsian idea antara satu sama lain.

"Kelab ini juga sebagai tempat meluahkan tekanan atau perasaan babitkan urusan kerja tanpa mengeneipkan polisi keselamatan yang perlu dipatuhi," katanya.

Katanya, pihaknya berharap melalui kelab itu, ia menjadi titik permulaan dalam menjalinkan kerjasama antara satu sama lain memandangkan ketua balai merupakan orang tengah antara ketua jabatan dan juga anggota.